

KHUTBAH JUMAAT

“HAJI MABRUR YANG DIIMPIKAN”
(21 Jun 2024M/ 14 Zulhijjah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْغَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hidup kita di dunia ini ibarat pelayaran di lautan yang luas. Setiap daripada kita adalah nakhoda yang mengemudi bahtera kehidupan menuju pelabuhan yang abadi. Dalam pelayaran ini, kita sering berhadapan dengan pelbagai badai dan gelombang ujian yang menguji keimanan dan ketabahan kita. Namun, dengan berpegang teguh kepada Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah melalui huraian ulama yang muktabar, kita akan mampu mengharungi segala cabaran dengan tenang dan selamat.

Marilah kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala*, kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya kita masih diberi peluang untuk berkumpul di rumah-Nya yang mulia ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, ahli keluarganya, para

sahabatnya, serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda hingga ke hari kiamat.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah kita merenung sejenak nikmat-nikmat yang Allah *subhanahu wata'ala* telah kurniakan kepada kita. Kehidupan kita di dunia ini adalah sementara, dan setiap detik yang berlalu tidak akan kembali. Setiap hela nafas yang kita hirup adalah pinjaman daripada Allah *subhanahu wata'ala*, dan setiap langkah yang kita ambil haruslah menuju kepada keredhaan-Nya. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah Al-Zalzalah, ayat 7 dan 8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ . وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ .

Maksudnya : *Maka sesiapa melakukan kebaikan seberat zarah, akan dilihatnya (dalam suratan amalnya). Dan sesiapa melakukan kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalnya).*

Betapa besar kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* terhadap hamba-Nya. Setiap kebaikan yang kita lakukan akan diperlihatkan dalam suratan amal dan dikurniakan pahala yang berlipat ganda, manakala setiap kesalahan yang kita lakukan juga diperlihatkan dalam suratan amal dan hanya dibalas setimpal dengan perbuatannya.

Hari ini, marilah kita menelusuri satu tema yang penting dalam kehidupan kita sebagai muslim, iaitu **“Haji Mabrut Yang**

Diimpikan". Semoga dengan mendengar dan menghayati khutbah ini, kita akan lebih memahami makna sebenar kehidupan dan lebih dekat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, para jemaah haji dari seluruh pelusuk dunia khususnya ibu bapa kita, saudara mara, sahabat handai dalam kalangan jemaah haji Sarawak telah berjaya menunaikan ibadah haji pada tahun ini. Ujian dan cabaran melaksanakan manasik haji di Arafah, Muzdalifah dan Mina, benar-benar menguji kesabaran, keikhlasan, kesungguhan serta kekuatan fizikal dan mental demi menzahirkan ketaatan dan kepatuhan melaksanakan perintah Allah. Dalam masa yang sama, bagi kita yang berada di tanah air, pelaksanaan ibadah korban turut menguji keikhlasan dan ketakwaan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Inilah contoh keimanan dan ketakwaan yang perlu diikuti, sebagaimana ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *alahimassalam*. Firman Allah dalam Surah al-Hajj, ayat 27 hingga 28:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ (٢٧) لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا أَوْصِيَاءَ الْفُقَرَاءِ (٢٨)

Maksudnya: *Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang ke rumah Tuhanmu dengan*

berjalan kaki, dan menunggang unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru dan ceruk rantau yang jauh. Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan berbagai-bagai manfaat bagi mereka, dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan atas rezeki yang telah diberikan Allah kepada mereka berupa binatang ternak (untuk dijadikan korban); Maka makanlah sebahagian daripada (daging) binatang korban itu dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan orang yang susah dan fakir.

Kaum muslimin yang dikasihi,

Semua kita mengimpikan haji yang mabrur. Imam an-Nawawi *rahimahullah* berpendapat bahawa haji mabrur adalah haji yang pelaksanaannya tidak dinodai oleh dosa. Mantan Sheikh al-Azhar, Dr. Abdul Halim Mahmud *rahimahullah* pula menyatakan: “*Ibadah haji merupakan gabungan amalan yang lengkap dari sudut kerohanian. Ia mampu meningkatkan darjat seorang muslim biasa menjadi seorang muslim yang teristimewa. Apabila dilakukan secara teratur, maka seseorang itu akan memperoleh keredaan Allah subhanahu wata'ala dan dikurniakan dengan haji mabrur*”.

Ketahuilah Allah akan mengurniakan syurga bagi mereka yang mendapat haji mabrur. Perkara ini telah dijelaskan dalam hadis shahih yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *rahimahullah* daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* berkata, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ))

Maksudnya: *Dan haji mabrur tiada ganjaran baginya melainkan syurga.*

Bagi kita yang telah menyempurnakan ibadah haji, janganlah mengulangi dan mengotori kehidupan dengan dosa dosa. Sebaliknya hendaklah kita memelihara semangat dan roh ibadah pada tahap yang tertinggi yang pernah kita lakukan semasa melakukan ibadah haji itu.

Rehlah keimanan ibadah haji sebenarnya menjadi titik perubahan diri kita ke arah yang lebih baik dan menjadi impak perubahan diri yang menjadi tauladan kepada orang lain. Ia juga menjadi titik perubahan diri kita daripada keburukan kepada kebaikan dalam segala aspek kehidupan. Istiqamah dalam beribadah terus dipraktikkan dan ditingkatkan melebihi tahap sebelum ini.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam kesempatan ini, mimbar menyeru kepada para jemaah yang belum menunaikan haji, agar menanamkan niat yang benar serta azam yang kuat untuk melaksanakannya. Cukupkanlah tabungan untuk mendaftar haji di Tabung Haji serta berusaha meningkatkan jumlah tabungan masing-masing dan berdoalah kepada Allah *subhanahuwataala* agar diberikan peluang menunaikan ibadah haji. Semoga Allah memperkenankan hajat kita untuk sampai ke tanah suci nanti.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Ibadah haji memerlukan perjuangan dan pengorbanan yang sangat besar dalam pelaksanaannya untuk memperoleh manfaat ukhrawi yang disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Haji yang mabrur ialah haji yang sempurna pelaksanaannya sebagaimana yang dituntut oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya, segala dosa diampunkan dan tidak ada balasan melainkan syurga di akhirat kelak.

Ketiga: Mendaftar haji adalah salah satu usaha untuk menyokong niat melaksanakan ibadah haji.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 197:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا
جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ
التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ .

Maksudnya: (Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu adalah beberapa bulan yang dimaklumi. Oleh itu, sesiapa yang

menetapkan niatnya dalam bulan itu untuk mengerjakan haji, maka dia tidak boleh mencampuri isterinya, berbuat maksiat dan bertengkar semasa mengerjakan ibadat haji dan apa-apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah mengetahuinya. Dan berbekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat berfikir dan memahami).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.